

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

26 OGOS 1999

PENGISYTIHARAN INSTITUT TEKNOLOGI MARA KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Pada 26 Ogos 1999, YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan pertukaran nama Institut Teknologi MARA (ITM) kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam Perhimpunan Perdana Siswazah Institut Teknologi MARA bersama Perdana Menteri yang telah dihadiri seramai 15,000 orang pelajar, staf dan alumni di Stadium Malawati, Shah Alam. Pengisytiharan ini adalah satu pengiktirafan yang terlalu bernilai dan satu perjuangan yang telah lama tertangguh sejak tahun 1974 lagi. Aspirasi UiTM adalah untuk menjadi sebuah pusat pengajian tinggi bertaraf dunia dan menjadi universiti terbaik.

Bermula dari tarikh tersebut Rang Undang-Undang ITM (Pindaan) telah dibacakan di Dewan Rakyat pada 4 November 1999 dan telah diluluskan pada

25 Februari 2000 dengan kelulusan Akta ITM (Pindaan 2000). Akta tersebut kemudiannya diluluskan di Dewan Negara pada 8 Mei 2000. Dengan keputusan pindaan Akta 1976 tersebut, Akta 173 Institut Teknologi MARA diletakkan setaraf dengan universiti-universiti lain dalam negara ini.

Satu ciri yang menarik dari Akta baru ini adalah Yang DiPertuan Agong dilantik secara automatik menjadi Canselor Universiti sekaligus memberikan status simbolik kepada Universiti Teknologi MARA. Canselor pertama yang dilantik adalah Yang DiPertuan Agong ke-11 iaitu Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Al Marhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj. Manakala, YBhg. Datuk Ir (Dr) Ahmad Zaidee Laidin ditukar lantik daripada Rektor ITM ke Naib Canselor UiTM yang pertama.



Sekitar Perhimpunan Perdana Siswazah ITM Bersama Perdana Menteri di Stadium Malawati pada 26 Ogos 1999.



YAB Dr. Mahathir Mohamad memegang Ikrar Siswazah ITM yang diserahkan kepada beliau.



YAB Dr. Mahathir Mohamad melawat pameran sempena Perhimpunan Perdana Siswazah ITM.

Rujukan:

1. Ahmad Ridzuan bin Wan Chik. (2006). *Achieving a Dream ... A Story of Courage: Ketabahan Merealisasikan Impian*. Bahagian Arkib dan Muzium. Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.
2. *Documenting A Destiny : History of Universiti Teknologi MARA 1956-2006*. (2006). Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.
3. *Shaping a Dream: from Dewan Latehan RIDA to Universiti Teknologi MARA 1956-1999*. (2000). Shah Alam : Universiti Teknologi MARA.

EDISI OGOS